

Kerajaan Benar APAD Perbaharui Kad Pemandu Teksi

PUTRAJAYA : Kerajaan bersetuju membenarkan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) untuk memperbaharui Kad Pemandu teksi dengan penyerahan semua dokumen yang diperlukan selewat-lewatnya pada 1 Julai. Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, berkata masih ada pihak yang belum menerima bantuan tunai RM600 kerana pelbagai sebab, termasuk kira-kira 30,000 pemandu teksi yang tidak dapat menerima manfaat itu berikutan Kad Pemandu mereka sudah tamat tempoh. "Ini termasuk mereka yang Kad Pemandu luput sebelum 18 Mac 2020," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, APAD akan membantu pemandu untuk membuat tindakan susulan bagi mendapatkan bayaran tunai RM600. Ka Siong berkata, bagi pemandu teksi yang tidak mempunyai akaun Bank Simpanan Nasional (BSN), mereka perlu mengemas kini butiran akaun bank mereka melalui semakprihatin.treasury.gov.my dengan memasukkan nombor kad pengenalan (MyKad). Beliau berkata, bagi pemandu yang mengalami masalah bankrap atau mufliis pula, mereka boleh merujuk terus kepada Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri atau melayari portal BHEUU untuk tindakan lanjut. Semua pengusaha pengangkutan awam, termasuk pengusaha teksi diingatkan supaya sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan dan tidak menjalankan operasi tanpa dokumen yang sah.

Ka Siong berkata, wabak COVID-19 sudah menjejaskan pengusaha sektor pengangkutan awam apabila jumlah penumpang menunjukkan penurunan ketara susulan pergerakan terhad orang ramai di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu dan pemandu teksi adalah antara kumpulan yang paling terjejas. Justeru, beliau berkata, kerajaan sudah mengumumkan bayaran secara sekali beri sebanyak RM600 kepada pemandu teksi yang berdaftar dengan peruntukan sejumlah RM18 juta bagi Fasa Pertama melalui Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 pada 27 Mac lalu. Ia bagi meringankan beban pemandu teksi yang terjejas pendapatan disebabkan pelaksanaan PKP yang kini dilanjutkan sehingga 9 Jun dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)," katanya. - BERNAMA